



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

BULETIN

*FAKULTI PERAKAUNAN
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN
EDISI 9 2025*



HUBUNGI KAMI :



fpnuitmn9s3




<https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3>

Kitaran Perakaunan Untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS): Cabaran dan Penambaihan Dalam Pengurusan Kewangan

Rafizan Abdul Razak & Akma Hidayu Dol @ Abdul Wahid

Umumnya, kitaran perakaunan merangkumi beberapa langkah asas yang boleh dijadikan panduan sebelum sesuatu laporan kewangan dapat dihasilkan untuk menilai prestasi perniagaan, baik yang berskala kecil mahupun sederhana. Kitaran perakaunan ini adalah seperti yang berikut:



Rajah: Kitaran Perakaunan

Merujuk kepada rajah di atas, kajian ringkas berbentuk kes studi telah dilaksanakan oleh 21 kumpulan kecil yang terdiri dari pelajar yang mengambil kursus Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Asas atau kod ACC407 pada semester Oktober 2024 – Februari 2025. Kajian ini bertujuan untuk melihat tatacara atau amalan pengurusan rekod dan kewangan PKS dalam satu kitaran perakaunan. Pelaksanaan kajian ini menggunakan kaedah sesi temu bual bersama peniaga yang melibatkan 21 buah sampel perniagaan daripada pelbagai jenis, antaranya seperti klinik, restoran, kedai runcit, kafe, kedai dandan rambut, kedai cetakan, dan lain-lain di sekitar Bandar Seremban, Port Dickson, Dengkil, Bangi, dan Johor Baharu.

Dapatan kajian yang dibentangkan mendapati bahawa kebanyakan perniagaan PKS yang terlibat mempunyai beberapa cabaran atau masalah yang berikut:

- ✚ Mempunyai pengetahuan yang minimal tentang tatacara menyimpan dokumen seperti resit belian atau jualan, bil, dan lain-lain dokumen berkaitan dengan lengkap dan teratur.
- ✚ Menghadapi kekangan staf atau pekerja yang mempunyai pengetahuan dalam perakaunan dan kewangan.
- ✚ Kekurangan bajet untuk menggunakan sistem perakaunan seperti Mind Your Own Business (MYOB), Point of Sale (POS), SQL Accounting, dan UBS Accounting.
- ✚ Menyimpan dan merekod data perniagaan secara manual seperti buku log sahaja.



- ✚ Mengemaskini rekod secara manual jika mempunyai masa lapang sahaja.
- ✚ Majoriti peniaga tiada menyediakan penyata kewangan tahunan untuk menilai prestasi perniagaan. (Hanya empat peniaga sahaja daripada sampel kajian yang menyediakan penyata kewangan)

Dapatan tinjauan ini selari dengan kajian terdahulu iaitu Ahmad et. al (2021) yang mendapati hasil pengurusan kewangan dikalangan peniaga PKS masih berada pada tahap yang rendah dan sederhana. Dalam kajian tersebut menegaskan bahawa amalan pengurusan kewangan yang berkesan akan membantu dalam usaha memantau, menilai dan memberi petunjuk amaran dengan segera terhadap sebarang kesan kewangan, terhadap perniagaan sebelum masalah menjadi kritikal.

Oleh itu usaha penambahbaikan berterusan masih perlu dipergiatkan untuk membimbing para pemilik perniagaan untuk menyediakan dan menguruskan maklumat perakaunan dan kewangan. Ini dapat membantu peniaga menguruskan perniagaan mereka dengan lebih baik dan sekali gus mengembangkan perniagaan pada masa hadapan. Peniaga atau usahawan boleh mengikuti latihan dan kursus asas yang dikendalikan oleh pelbagai agensi di Malaysia seperti Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), UDA Holdings Bhd, Bank Pembangunan, Bank SME, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Bank Rakyat, Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) dan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM).

Di peringkat universiti seperti di UiTM para pelajar yang memasuki pengajian program tertentu seperti di Fakulti Sains Polisi dan Pentadbiran (FSPPP) dan Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik (KPPIM) juga telah diberi pendedahan awal tentang ilmu pengetahuan berkaitan asas perakaunan dan kewangan agar mampu menguruskan perniagaan dan kewangan dengan teratur serta sistematik. Kursus yang ditawarkan seperti ACC407 memberi penekanan aspek teori dan juga praktikal yang sangat relevan untuk diguna pakai oleh para pelajar jika mereka mahu menceburi bidang perniagaan setelah tamat pengajian.

Rujukan

Ahmad, Nur Afifah; Mohamad Yusop, Norhidayah. Tahap Pengurusan Kewangan Di Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Daerah Ketereh. Jurnal Dunia Perniagaan, [S.l.], v. 3, n. 3, p. 25-35, Nov. 2021. ISSN 2710-5792. Available at: <<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpn/article/view/16075>>. Date accessed: 03 Feb. 2025.
Abd Rauf, F., Abu, A., & Mahmud, R, Financial Accounting for Non-accounting Students, 7th edition, McGraw Hill, 2023, ISBN: 9789670761565